

# KUTKM, CTRM kukuhkan kerjasama

Archival News | Berita Harian | 17/01/2006

KOLEJ Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menandatangani dua memorandum perjanjian (MoA) dengan Composite Technology Research Malaysia

(CTRM) baru-baru ini, bagi mengukuhkan lagi kerjasama antara dua pihak.

MoA itu ditandatangani Rektor KUTKM, Prof Datuk Ismail Hassan dan Ketua

Ketua Pegawai Eksekutif CTRM, Kol (B) Rosdi Mahmud, disaksikan Timbalan Perdana

Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Rektor Penyelidikan dan Pengkomersialan/Inovasi, Prof Madya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata MoA itu juga adalah lanjutan memorandum persefahaman yang ditandatangani kedua-dua pihak pada 2004.

Beliau berkata, satu daripada MoA itu berkaitan program CTRM Scholar, manakala satu lagi mengenai kerjasama dalam bidang Lean Manufacturing.

"Menerusi CTRM Scholar, 10 pelajar KUTKM akan menjalani latihan sistematis dalam industri aeroangkasa dan program sangkut industri selama

8 bulan, di samping berpeluang menyertai CTRM.

"Program Lean Manufacturing pula adalah perkongsian kepakaran antara KUTKM dan CTRM ke arah membangunkan kaedah pembuatan paling ekonomik untuk industri aeroangkasa. Tempoh pelaksanaan MoA ini antara tiga hingga

lima tahun," katanya.

Dalam perkembangan lain, universiti itu menerbitkan sebuah buku bertajuk Liberalisasi Komuniti sempena Konvensyen Kebangsaan Kecemerlangan Sosial dan Pembangunan Komuniti yang dianjurkan bersama Institut Sosial Malaysia, tahun lalu.

Buku berharga RM30 senaskhah itu disunting Dekan Pusat Pengajian Siswazah universiti itu, Prof Dr Mohd Taib Dora dan pensyarah Pusat Perkhidmatan Akademik, Rahman Hashim.

Mohd Taib berkata, penerbitan buku itu satu daripada usaha bagi meningkatkan kecemerlangan sosial dan pembangunan komuniti yang bertitik tolak daripada arus globalisasi yang bukan saja melanda masyarakat negara

ini, malah dunia.

Sambil menyatakan arus itu seperti tsunami yang rakus dan menggila tanpa mengenal usia, bangsa, politik, ekonomi serta budaya, beliau berkata:

"Kesan globalisasi sudah menampakkan kesan negatifnya terhadap ekonomi sesebuah negara dan ia mungkin menjadi lumpuh jika tiada pelan tindakan serta persediaan kukuh bagi menangani cabarannya.

"Kandungan buku ini berdasarkan kertas kerja dibentangkan sepanjang konvensyen berkenaan, antaranya bertajuk Faktor Keluarga Bermasalah di Malaysia dan Strategi Mengatasinya. Untuk mendapatkan buku ini, hubungi Penerbit Universiti, KUTKM (06-233 2162/2164)."

(END) Source : Berita Harian